

16/10/2003

Kegagalan Cancun beri kelebihan

KEGAGALAN Mesyuarat Peringkat Menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Cancun, Mexico, menawarkan peluang terbaik untuk negara Islam mengukuhkan perdagangan tanpa dibayangi telunjuk negara maju.

Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Dr Abdelouahed Belkeziz berkata, persekitaran antarabangsa sekarang, termasuk keadaan merbahaya yang dihadapi simpanan modal negara Islam di Barat, memerlukan umat mengkaji semula peluang yang wujud di dunia Islam.

Pada masa sama, katanya, umat Islam kini berdepan pelbagai cabaran lain, termasuk krisis peradaban, kepercayaan dan elemen fundamental mengenai cara hidupnya.

"Inilah masanya untuk kita menunjukkan perpaduan dan kerjasama tinggi dalam membina rangkaian penyatuan yang lebih kukuh, termasuk mengukuhkan perdagangan ke arah memantapkan ekonomi negara anggota," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan khas pada Forum Perniagaan OIC di sini, semalam. Forum itu dianjurkan Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli). Hadir sama dan berucap ialah Pengerusi Asli, Mirzan Mahathir.

Dr Abdelouahed juga memuji usaha Asli menganjurkan forum berkenaan yang memberi peluang kepada negara anggota membincangkan cabaran ekonomi yang dihadapi umat Islam.

Katanya, antara cabaran, termasuk kegagalan negara maju melaksanakan komitmen di pusingan Doha untuk memotong subsidi pertanian bagi kepentingan ekonomi membangun.

"Bidang paling penting bagi menjalin kerjasama ialah perdagangan dalam OIC dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) menekankan usaha berterusan serta menyediakan kemudahan dan insentif bagi hubungan komersial yang lebih erat," katanya.